



BAB 24: IMAM AS-SYAFIE RAHIMAHULLAH



Bapa Ilmu Usul Fikah

Muhammad bin Idris As-Syafie yang juga dikenal sebagai Imam As-Syafie adalah ahli fikah Islam yang terkemuka dalam sejarah Islam. Beliau adalah pengasas kepada Mazhab As-Syafie, salah satu daripada mazhab Islam yang banyak diikuti oleh penganut agama Islam di India, Indonesia, dan Malaysia.



* Makam Imam As-Syafie

Riwayat Hidup

Imam As-Syafie dilahirkan sama ada di Gaza, Palestin atau di sebuah pekan kecil berdekatan dengan Asqalan atau Askelon di Turki atau Syria (Asqalan ketika zaman itu merupakan sebahagian daripada Syria.) Selepas kemangkatan bapa beliau, keluarganya berhijrah ke Palestin bersama-sama dengan Bani Yaman, yang merupakan satu keturunan dengan ibu beliau. Ketika berumur sepuluh tahun, beliau berhijrah sekali lagi ke Mekah. Imam As-Syafie menghafaz Al-Quran ketika berumur tujuh tahun dan mula mempelajari dan mengingati kitab *Al-Muattok* karangan Imam Malik pada umur sepuluh tahun. Ketika berumur 15 tahun, beliau diberi pengiktirafan untuk mengajukan pendapat beliau di dalam bidang fikah.

Bapa beliau berasal daripada Bani Quraisy, dan nenek moyang Imam As-Syafie adalah Al-Mutallib yang merupakan bapa saudara Nabi Muhammad S.A.W.. Bani Quraisy merupakan penyokong Nabi Muhammad ketika Perang Badar. Sejarah keturunan beliau memberikan beliau martabat dan mungkin juga menjadi sumber inspirasi untuk beliau mempertahankan ajaran Sunnah.

Membesar dalam kalangan puak Badwi, Imam As-Syafie kemudiannya kembali ke Mekah dan memulakan pengajian syariah beliau dengan Muslim bin Khalid Al-Zanji, Sufian


bin Uyaina (Mufti Mekah), dan sebagainya. Walaupun telah diiktiraf untuk menjadi hakim, beliau membuat keputusan untuk meneruskan pengajian dengan Imam Malik. Imam As-Syafie meninggalkan Mekah ke Madinah untuk bertemu dengan Imam Malik ketika berusia 22 tahun.

Bapa Ilmu Usul Fikah

Imam As-Syafie terkenal sebagai perumus pertama metodologi hukum-hukum Islam. Beliau mendapat gelaran “Bapa Ilmu Usul Fikah” kerana begitu mahir dalam ilmu tersebut. Usul Fikah (atau metodologi hukum Islam) tidak dikenal pada zaman Nabi dan para sahabat. Hal ini demikian kerana ilmu ini baru muncul selepas beliau menulis buku *Ar-Risalah*.

Imam As-Syafie telah mengasaskan kaedah-kaedah tertentu dalam menyabitkan sesuatu hukum dan berijtihad mengikut tempat dan suasana. Beliau telah menghasilkan berbagai-bagai jenis kitab dalam bidang usul fikah seperti *Ibtal Al-Istihsan*, *Ahkam Al-Quran*, dan *Ar-Risalah*.

Keistimewaan Kitab Al-Umm sebagai Rujukan



Kitab *Al-Umm* adalah sebuah kitab ilmu fikah yang membincangkan sesuatu perkara secara terperinci. Kitab *Al-Umm* merupakan kitab fikah yang paling unggul kerana mengemukakan pendapat aliran Mazhab As-Syafie yang jelas dan lengkap berserta dalil-dalilnya.

Kitab ini begitu terkenal kerana susunan gaya bahasanya yang tepat, jelas, dan mudah difahami dalam membahaskan sesuatu perkara. Sehingga kini kitab *Al-Umm* terus menjadi rujukan utama bagi umat Islam dan para pelajar di seluruh dunia.